

# Elak bebankan eksekutif, penyelia halal dengan beban kerja berganda



Pengarah Institut Pengurusan Halal, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Dr Nor Aina Mhd Khotib  
bhrencana@bh.com.my

**Isu** peneraju balik produk kopi dan biskut daripada pasaran susulan penggunaan berus bulu babi baru-baru ini bukan sekadar berita biasa, tetapi satu peringatan serius kepada seluruh pemain industri halal.

Dalam sebuah ekosistem berteraskan kepercayaan pengguna Muslim, sebarang kecuaiian atau ketidakpatuhan boleh memberi kesan besar terhadap reputasi syarikat serta imej industri halal negara secara keseluruhan. Halal bukan hanya soal status, tetapi soal amanah.

Dalam menjaga standard halal ketat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menetapkan keperluan pelantikan eksekutif halal bagi syarikat kategori sederhana

dan besar serta penyelia halal bagi syarikat kecil.

Peranan mereka bukan sekadar melengkapkan struktur organisasi, tetapi untuk memastikan segala operasi syarikat mematuhi prinsip halal secara menyeluruh. Mereka perlu bertindak sebagai individu bertanggungjawab menjaga ketelusan, kejujuran dan integriti dalam pengurusan halal.

Tujuan utama pelantikan eksekutif halal dan penyelia halal adalah untuk memastikan setiap proses daripada sumber bahan mentah hingga produk akhir dipantau dengan teliti. Mereka berfungsi sebagai 'mata dan hati halal' dalam organisasi, memastikan tiada unsur syubuh atau pelanggaran syariah. Tanpa komitmen tinggi daripada individu ini, sistem halal hanya akan tinggal sebagai dokumentasi semata-mata tanpa roh sebenar.

## Jejas kepercayaan pengguna

Namun, terdapat realiti dalam industri yang sesetengah syarikat menggabungkan peranan eksekutif halal dengan pelbagai fungsi lain seperti jaminan kualiti (QA), kawalan kualiti (QC) dan sumber manusia (HR), malah dalam sesetengah kes turut merangkap sebagai ketua chef. Keadaan ini menyebabkan individu berkenaan perlu memikul tanggungjawab besar dalam pelbagai bidang yang sama penting.

Beban kerja berganda ini boleh mengurangkan fokus terhadap pemantauan halal secara menyeluruh, sekali gus meningkatkan risiko berlakunya seperti penggunaan bahan atau peralatan tidak dibenarkan, termasuk isu berus bulu babi yang kini

“Malaysia yang selama ini dikenali sebagai antara peneraju global dalam pensijilan halal perlu mempertahankan reputasi ini dengan memastikan setiap pemain industri benar-benar mematuhi standard ditetapkan”

menjadi perhatian.

Kesan daripada isu seperti ini amat membimbangkan. Ia bukan sahaja menjejaskan kepercayaan pengguna terhadap produk tertentu, malah boleh memberi impak negatif kepada keseluruhan industri halal Malaysia.

Malaysia yang selama ini dikenali sebagai antara peneraju global dalam pensijilan halal perlu mempertahankan reputasi ini dengan memastikan setiap pemain industri benar-benar mematuhi standard ditetapkan.

Pada masa sama, negara sebenarnya tidak ketandusan tenaga mahir dalam bidang halal. Universiti dan kolej di negara ini melahirkan ramai siswazah dalam bidang pengurusan halal pada peringkat diploma dan ijazah.

Contohnya, Universiti Utara Malaysia (UUM) menawarkan program Sarjana Muda Pengurusan Halal dengan model yang memberi peluang kepada pelajar menjalani latihan industri selama setahun. Ini menjadikan mereka lebih bersedia untuk menghadapi realiti industri.

Golongan siswazah halal ini menjadi aset penting negara yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh industri. Mereka mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kesedaran tinggi terhadap kepentingan pematuhan halal.

Dengan penempatan yang betul sebagai eksekutif halal atau penyelia halal, mereka mampu memperkukuh sistem pengurusan halal dalam syarikat. Justeru, pengukuhan integriti, ketelusan dan roh halal dalam industri bukan sahaja bergantung kepada polisi, tetapi juga kepada manusia yang melaksanakannya dengan penuh amarah.